

Tarikh Dibaca: 03 April 2026M / 14 Syawwal 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MEREMPIT:
KEPUASAN ATAU KEMATIAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MEREMPIT: KEPUASAN ATAU KEMATIAN”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Nisa': 29.

² Ali-'Imran: 102.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**MEREMPIT: KEPUASAN ATAU KEMATIAN**”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Cuba kita fikirkan, siapakah pemilik sebenar nyawa yang kita miliki hari ini? Adakah ia milik kita sepenuhnya untuk diperlakukan sesuka hati, atau amanah daripada Allah SWT yang wajib dipelihara? Hakikatnya, Islam meletakkan penjagaan nyawa sebagai salah satu *maqasid syariah* (tujuan dan hikmah sesuatu pensyariaan) yang tidak boleh dipandang ringan. Nyawa bukan milik mutlak manusia untuk dipermainkan atau dipertaruhkan, sebaliknya ia adalah amanah yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa’ ayat 29 sepertimana yang dibacakan pada awal khutbah, maksudnya:

“Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri! Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.”

Ayat ini menjadi peringatan yang jelas kepada kita semua bahawa setiap perbuatan yang mendedahkan diri kepada bahaya dan kemusnahan jiwa adalah bertentangan dengan tuntutan agama. Maka, apa sahaja tindakan yang boleh mengancam nyawa sendiri dan orang lain bukan sahaja satu kesalahan pada sudut undang-undang, bahkan satu pelanggaran terhadap prinsip asas dalam Islam.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Bertitik tolak daripada prinsip menjaga nyawa yang telah dijelaskan tadi, khatib ingin memetik satu sahaja daripada banyak fenomena yang

berlaku dalam masyarakat kita hari ini, iaitu gejala mat rempit. Jelas gejala ini mencabar prinsip *Hifz al-Nafs* (menjaga nyawa). Hakikatnya, perbuatan merempit bukan lagi sekadar isu sosial biasa, tetapi satu perbuatan yang meletakkan nyawa dalam keadaan bahaya, bukan sahaja nyawa diri sendiri, bahkan turut mengancam keselamatan pengguna jalan raya yang lain.

Berapa banyak kes kemalangan yang kita dengar, yang berakhir dengan kecederaan parah, sehingga ada yang kehilangan nyawa? Semua ini berpunca daripada sikap lalai dan keinginan mencari keseronokan yang tidak berasas.

Selain membahayakan nyawa, ramai dalam kalangan mat rempit juga terlibat dengan pertarungan kecil-kecilan semasa berlumba. Apabila wujud pertarungan, maka jelas ia termasuk dalam kategori judi yang diharamkan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah, ayat 90:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ
مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

“Wahai orang yang beriman, sesungguhnya meminum arak, berjudi, pemujaan berhala dan menilik nasib dengan anak panah adalah (semuanya) perbuatan kotor (keji) daripada perbuatan syaitan! Maka, jauhilah (semua perbuatan) itu agar kamu berjaya.”

Jelas di sini bukan sekadar judi di atas meja yang merugikan harta, malah pertarungan jalanan yang melibatkan nyawa juga termasuk “perbuatan syaitan” yang mesti dijauhi.

Rasulullah SAW juga telah menetapkan satu prinsip besar dalam Islam melalui hadis yang diriwayatkan daripada Ubadah bin Somit *Radiallahuanhu*, kata beliau:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَضَى أَنْ لَا ضَرَرَ وَلَا
ضِرَارَ

"Sesungguhnya Rasulullah SAW telah menetapkan bahawa tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak boleh membalas kemudaratan dengan kemudaratan."

(Riwayat Ibnu Majah).

Berdasarkan kedua-dua dalil ini, gejala merempit secara jelas bertentangan dengan dua prinsip Islam iaitu menjaga nyawa dan juga menjaga harta (*Hifz al-Mal*). Gejala merempit ini bukan sekadar judi di atas meja yang membazirkan harta, malah ia adalah judi yang mempertaruhkan nyawa. Nyawa yang dipertaruhkan pula bukan sekadar nyawa diri sendiri, bahkan mampu meragut insan lain.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Melihat kepada kesan nyawa yang terancam, kecederaan kekal, trauma ahli keluarga dan gangguan ketenteraman masyarakat, di manakah peranan kita semua? Dalam hal ini, ibu bapa dan masyarakat tidak boleh berpeluk tubuh. Ibu bapa mesti mengambil berat dengan memantau pergerakan anak-anak, tahu dengan siapa mereka berkawan, ke mana mereka pergi dan bagaimana mereka mengisi masa lapang. Jangan kita hanya tersedar setelah berlakunya insiden yang tidak diingini.

Sebaiknya, mulakan dengan mendekati, mendengar dan membimbing anak-anak sejak awal. Berikan nasihat dengan penuh hikmah, tanamkan nilai agama dan jadilah contoh yang baik untuk anak-anak ikuti. Ingatlah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Anak-anak yang dibimbing dengan kasih sayang dan perhatian sejak awal, insya-Allah akan jadi lebih kuat untuk menolak pengaruh yang merosakkan.

Dalam masa yang sama, kita juga perlu menyediakan jalan alternatif yang lebih baik untuk anak-anak muda. Islam tidak menolak minat mereka yang sukakan cabaran, bahkan mengiktiraf potensi tersebut. Namun, minat itu perlu disalurkan ke arah yang selamat dan bermanfaat. Jangan kita hanya melarang tanpa menyediakan ruang dan peluang.

Mari sama-sama kita berikan galakan untuk mereka sertai aktiviti sukan yang terkawal, program pengimarahannya di masjid surau, serta kegiatan komuniti yang mampu membina jati diri dan disiplin. Jika tidak dibimbing anak-anak muda ini, bimbang mereka akan terjerumus ke jalan yang salah, umpama layang-layang putus tali, terumbang-ambing tanpa arah.

Sidang Jumaat anak-anak muda yang diraikan,

Jangan sekali-kali kita gadaikan nyawa di jalan raya demi keseronokan yang sementara atau taruhan yang sia-sia, kerana setiap detik kehidupan kita adalah amanah yang tak ternilai dari Allah SWT. Setiap nafas membawa tanggungjawab, setiap langkah yang diambil akan dipersoalkan di hadapan-Nya. Jangan biarkan keinginan sesaat meragut keberkatan, keselamatan diri, malah meninggalkan kesedihan dan trauma kepada keluarga serta orang sekeliling.

Salurkan tenaga, keberanian dan minat kita ke arah yang selamat, bermanfaat, dan diberkati. Jadikan setiap tindak tanduk kita sebagai wasilah kebaikan, bukan pintu kehancuran. Moga Allah SWT melindungi kita daripada sebarang aktiviti berbahaya yang meragut nyawa, menjadikan kita hamba yang bertanggungjawab, berhati-hati, dan sentiasa menjaga keselamatan diri serta orang lain.

Saudaraku sidang Jumaat yang dihormati,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Kita hendaklah memelihara nyawa sebagai amanah dari Allah SWT dan menyedari bahawa setiap detik kehidupan serta langkah yang diambil akan dipersoalkan di hadapan-Nya. Nyawa bukan hak mutlak kita dan mendedahkannya kepada bahaya adalah dosa besar di sisi syarak.
2. Kita hendaklah menolak segala bentuk kemudaratan dan perjudian, termasuk gejala merempit dan pertaruhan jalanan, kerana ia bukan sahaja mengancam nyawa diri sendiri dan orang lain, malah membuka pintu dosa dan membawa kerugian.
3. Kita hendaklah memainkan peranan aktif sebagai ibu bapa, masyarakat, dan pemimpin anak muda dengan memantau, membimbing serta menyediakan ruang yang selamat dan bermanfaat supaya minat dan keberanian mereka disalurkan ke arah yang diberkati, bermanfaat kepada diri dan orang lain.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ
اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ.

"Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik."

(Surah al-Baqarah: 195).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuamhum*, seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.